




Penggunaan Kecerdasan Buatan (ChatGPT) dalam Pendidikan Islam: Analisis Cabaran, Peluang dan Pertimbangan Etika Berdasarkan Maqasid Syariah

Jazli Zakwan Ahmad Taha *¹, Siti Zhuharrina Binti Sulaiman ²,
Muhammad Talhah Bin Ajmain@Jima'ain ³

^{1,3,4} Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Malaysia

² Fakulti Sains Pendidikan dan Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Malaysia

ABSTRAK

Kemajuan pesat kecerdasan buatan (AI) telah memacu pelbagai inovasi dalam pendidikan, termasuk Pendidikan Islam. ChatGPT, model bahasa generatif yang dibangunkan oleh OpenAI, menawarkan potensi besar dalam menyokong pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini mengupas integrasi ChatGPT dalam Pendidikan Islam melalui analisis peluang, cabaran dan pertimbangan etika. Dari sudut peluang, ChatGPT dapat mempercepat capaian ilmu, membantu penyelidikan sendiri serta menyokong pembelajaran berpusatkan pelajar. Cabaran yang dikenal pasti termasuk ketepatan maklumat, risiko kebergantungan melampau dan isu pelanggaran etika akademik. Aspek etika ditinjau berdasarkan perspektif syariah yang menekankan prinsip Maqasid Syariah dan adab penuntut ilmu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan dokumen bagi mengenal pasti tema utama berkaitan integrasi AI dalam Pendidikan Islam. Dapatan kajian menegaskan keperluan menggubal dasar pendidikan, menyediakan latihan profesional kepada pendidik dan membangunkan garis panduan penggunaan AI yang berpaksikan nilai Islam. Kesedaran terhadap peluang dan cabaran ini penting bagi memastikan pemanfaatan ChatGPT secara bertanggungjawab, seterusnya memperkukuh penyampaian ilmu agama dan membentuk pelajar Muslim yang

SEJARAH ARTIKEL

Peroleh 30 Jun 2025

Semakan 10 Ogos 2025

Terima 21 Ogos 2025

KATA KUNCI

ChatGPT; Kecerdasan Buatan; Pendidikan Islam; Etika Digital; Maqasid Syariah.

The Use of Artificial Intelligence (ChatGPT) in Islamic Education: An Analysis of Challenges, Opportunities, and Ethical Considerations Based on Maqasid Shariah

ABSTRACT

Rapid advancements in artificial intelligence (AI) have driven various innovations in education, including Islamic Education. ChatGPT, a generative language model developed by OpenAI, offers significant potential in supporting teaching and learning. This study examines the integration of ChatGPT in Islamic Education through an analysis of opportunities, challenges, and ethical considerations. In terms of opportunities, ChatGPT can accelerate access to knowledge, assist independent research, and support student-centered learning. The identified challenges include information accuracy, the risk of excessive dependence, and issues related to academic ethics violations. Ethical aspects are explored from a Shariah perspective, emphasizing the principles of Maqasid Shariah and the etiquette of knowledge seekers. This study employs a qualitative approach through document content analysis to identify key themes related to AI integration in Islamic Education. The findings highlight the need to formulate educational policies, provide professional training for educators, and develop AI usage guidelines grounded in Islamic values. Awareness of these opportunities and challenges is essential to ensure the responsible utilization of ChatGPT, thereby enhancing the delivery of religious knowledge and shaping Muslim students who are knowledgeable, well-mannered and ethical in line with the demands of the digital era.

ARTICLE HISTORY

Received 30 June 2025

Revised 10 Ogos 2025

Accepted 21 Ogos 2025

KEYWORDS

ChatGPT; Artificial Intelligence; Islamic Education; Digital Ethics; Maqasid Shariah.

1. Pendahuluan

Perkembangan teknologi kecerdasan buatan (AI) telah membawa transformasi besar dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, yang kini semakin dipacu oleh pendekatan digital dan berpusatkan pelajar. Antara inovasi AI yang paling menonjol mutakhir ini ialah Chat Generative Pre-trained Transformer (ChatGPT), iaitu model bahasa generatif yang dibangunkan oleh OpenAI bagi menghasilkan respons menyerupai komunikasi manusia melalui input teks. Keupayaan ChatGPT untuk memproses pelbagai maklumat serta memberi respons bersifat adaptif menjadikannya antara alat paling berpengaruh dalam landskap pembelajaran digital.

Bidang Pendidikan Islam turut terkesan dengan perkembangan ini. Penggunaan ChatGPT berpotensi memperkasa proses pengajaran dan pembelajaran melalui capaian maklumat pantas, penyusunan semula pengetahuan dan penghasilan interaksi pembelajaran yang lebih fleksibel. Walau bagaimanapun, timbul kebimbangan terhadap isu kesahihan maklumat, risiko kebergantungan melampau dan cabaran etika akademik. Persoalan asas yang timbul ialah sama ada AI mampu menyokong fungsi tarbiah yang bukan sahaja menekankan aspek kognitif tetapi juga pembinaan adab, akhlak dan spiritualiti pelajar.

Kajian terdahulu banyak meneliti potensi dan cabaran AI dalam pendidikan secara umum, termasuk kesannya terhadap pedagogi, motivasi pelajar dan keberkesanan pengajaran (Bahrini et al., 2023; Khalil & Er, 2023). Beberapa penyelidikan turut mengkaji penggunaan AI dalam konteks pendidikan Islam, terutamanya dari aspek teknikal dan pedagogi (Zawawi et al., 2023; Sani et al., 2023). Namun, perbincangan yang bersifat epistemologi dan etika Islam masih terbatas. Khususnya, masih kurang kajian yang menghubungkan penggunaan ChatGPT dengan prinsip maqasid syariah iaitu kerangka normatif Islam yang menekankan pemeliharaan agama, akal, maruah, keturunan dan harta.

Jurang ini penting untuk ditangani kerana pendidikan Islam tidak hanya bertujuan menyampaikan ilmu secara kognitif tetapi turut menuntut penjagaan adab dan akhlak penuntut ilmu. Tanpa panduan maqasid syariah, penggunaan AI seperti ChatGPT berpotensi mengakibatkan pencemaran epistemologi, manipulasi maklumat dan penyelewengan nilai. Justeru, kajian ini mengambil pendekatan konseptual untuk menganalisis peluang, cabaran dan pertimbangan etika penggunaan ChatGPT dalam Pendidikan Islam berasaskan prinsip maqasid syariah. Penekanan terhadap kerangka ini diharap dapat menyumbang kepada pembinaan garis panduan penggunaan AI yang lebih seimbang, beradab dan berpaksikan nilai Islam.

2. Penyataan Masalah

Kecerdasan buatan (AI), khususnya aplikasi seperti ChatGPT yang berasaskan pemprosesan bahasa semula jadi (Natural Language Processing), semakin diterima sebagai alat sokongan pembelajaran dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (Hosni et al., 2023). Akses maklumat secara pantas serta keupayaan menjana teks yang menyerupai penulisan manusia menjadikan teknologi ini sangat menarik dan mudah diguna. Namun, apabila diaplikasikan dalam konteks Pendidikan Islam, timbul kebimbangan terhadap kesahihan maklumat, kefahaman konteks hukum, serta aspek adab dan etika menuntut ilmu yang telah digariskan oleh tradisi keilmuan Islam (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2024; Al-Qaradawi, 2018).

Tindakan menyalin kandungan secara langsung tanpa menyemak sumber serta kebergantungan kepada teknologi AI sebagai satu-satunya rujukan ilmiah, menimbulkan risiko penyelewengan maklumat agama. Pelajar mungkin terdedah kepada kefahaman yang bersifat literal, tidak kontekstual, atau bercanggah dengan pendapat ulama muftakar apabila bergantung semata-mata kepada jawapan yang dijana oleh AI (Farihah et al., 2024). Hal ini diburukkan lagi oleh hakikat bahawa ChatGPT tidak memiliki keupayaan untuk membezakan pandangan autoritatif dan yang tertolak, malah tidak mampu menilai sanad, dalil atau konteks fiqh semasa (Ridzuan et al., 2024).

Isu-isu etika seperti plagiarisme, pemalsuan sumber dan pencabulan prinsip kejujuran ilmiah turut mencabar integriti akademik dalam kalangan pelajar Muslim (Nur Komalasari, 2024). Penggunaan AI yang tidak dipandu secara sistematik dan beretika boleh melemahkan budaya ilmu yang sepatutnya dibina atas asas kesungguhan, semakan dan sandaran autoritatif. Ketiadaan garis panduan khusus yang menggabungkan prinsip literasi digital dan nilai maqasid syariah menjadikan isu ini semakin meruncing. Keperluan terhadap kerangka etika dan pedoman penggunaan AI dalam pendidikan Islam menjadi semakin mendesak agar teknologi moden ini dapat dimanfaatkan tanpa mengorbankan adab, adil dan amanah keilmuan yang menjadi teras tradisi Islam.

3. Sorotan Literatur

3.1. Konsep kecerdasan buatan (AI) dan ChatGPT

Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence atau AI) merujuk kepada keupayaan sistem komputer melaksanakan tugas kompleks yang sebelum ini hanya dapat dilakukan oleh manusia, termasuk penaakulan, pembelajaran, penyelesaian masalah serta pemprosesan bahasa. Rich dan Knight (1991) mendefinisikan AI sebagai bidang yang meneliti bagaimana komputer dapat diprogram untuk meniru proses pemikiran manusia. Istilah ini mula

diperkenalkan oleh John McCarthy pada tahun 1956 melalui Persidangan Dartmouth yang kemudiannya menjadi titik tolak kepada perkembangan pesat teknologi AI di peringkat global.

Revolusi AI telah menghasilkan perubahan besar dalam pelbagai sektor, antaranya pendidikan, perubatan dan industri kreatif. Pendekatan AI dalam pendidikan berupaya memperibadikan pengalaman pembelajaran berdasarkan keperluan individu pelajar. Oktavian et al. (2024) menjelaskan bahawa teknologi AI dapat menganalisis keupayaan pelajar serta corak pembelajaran mereka bagi menyesuaikan kandungan yang paling relevan. Widodo et al. (2024) menambah bahawa pelajar menunjukkan peningkatan motivasi apabila kandungan pembelajaran disesuaikan secara dinamik. Keupayaan AI membantu guru merancang pengajaran, menilai tugas secara automatik dan menyediakan bimbingan berdasarkan data pembelajaran turut meningkatkan kecekapan pedagogi (Isdayani et al., 2024). Keupayaan menganalisis data pendidikan secara mendalam pula membolehkan intervensi yang lebih bersasar dan efektif dirangka (Komarudin et al., 2024).

Salah satu manifestasi kecerdasan buatan yang menonjol mutakhir ini ialah ChatGPT, iaitu model bahasa berasaskan AI yang dibangunkan oleh OpenAI. Model ini dibina menggunakan teknologi “Transformer” serta dilatih melalui pendekatan “supervised learning” dan “reinforcement learning”, yang membolehkannya menjana respons dalam bahasa semula jadi secara konsisten dan kontekstual (Bahrini et al., 2023). Keupayaan tersebut membolehkan ChatGPT berfungsi sebagai agen perbualan, sistem maklumat dan alat penulisan automatik yang dapat dimanfaatkan dalam pelbagai sektor seperti perniagaan, perkhidmatan awam dan pendidikan tinggi.

Sumbangan teknologi ChatGPT dalam bidang pendidikan bergantung rapat pada kemajuan Natural Language Processing (NLP), iaitu cabang AI yang menumpukan kepada pemahaman dan penghasilan bahasa manusia melalui algoritma komputer. Menurut Khurana et al. (2023), aplikasi NLP merangkumi pelbagai fungsi seperti terjemahan mesin, pengecaman suara, penjumlahan teks dan sistem soal jawab automatik. Khairuleffendi (2024) menjelaskan bahawa NLP dalam konteks pendidikan dapat menyokong analisis penulisan pelajar, semakan tatabahasa dan pemberian maklum balas terhadap gaya bahasa serta struktur hujah. Keupayaan ini bukan sahaja memudahkan pentaksiran, malah dapat membantu pelajar memperbaiki kecekapan berbahasa dan kemahiran berfikir secara kritis. Penggabungan antara ChatGPT dan NLP membuka dimensi baharu dalam penyampaian ilmu, termasuk dalam Pendidikan Islam. Pengalaman pembelajaran menjadi lebih interaktif, sendiri dan fleksibel kerana pelajar dapat berinteraksi secara langsung dengan sistem AI bagi mendapatkan penjelasan, ringkasan, cadangan idea atau maklum balas penulisan. Teknologi ini berupaya memperkukuh literasi digital pelajar serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat. Namun begitu, penggunaan ChatGPT menuntut perhatian serius terhadap isu ketepatan maklumat, privasi data serta etika penggunaannya dalam konteks ilmu agama. Kebergantungan melampau terhadap sistem AI tanpa bimbingan pendidik yang berautoriti boleh menimbulkan risiko penyebaran maklumat yang tidak sahih dan mengelirukan.

Perkembangan ini meletakkan keperluan kepada kerangka penggunaan teknologi yang seimbang, beretika dan berpandukan nilai keilmuan Islam. Sebarang inovasi dalam pendidikan sewajarnya disertai penilaian berterusan agar teknologi seperti ChatGPT benar-benar dimanfaatkan sebagai pelengkap kepada usaha mendidik insan secara holistik dan bukan sekadar sebagai alat pintar yang bersifat mekanikal semata-mata.

3.2. Integrasi AI dalam pendidikan Islam

Kemunculan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) telah membawa perubahan signifikan terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai bidang, termasuk Pendidikan Islam. Sistem AI seperti ChatGPT berupaya meniru interaksi manusia melalui bahasa semula jadi sekali gus menawarkan kaedah pembelajaran yang lebih responsif, interaktif dan bersifat peribadi (Zawawi et al., 2023). Perkembangan ini berpotensi memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar secara menyeluruh, terutamanya dalam konteks pengajian Islam yang menuntut pemahaman mendalam terhadap konsep, dalil dan nilai.

Teori konstruktivisme sosial yang diasaskan oleh Vygotsky menyokong pendekatan pembelajaran berasaskan interaksi. Teknologi AI seperti ChatGPT, menyediakan ruang interaksi yang bersifat dialogik dan sendiri antara pelajar dan sistem, yang seterusnya merangsang proses internalisasi ilmu (Nasruddin & Basri, 2021). Pelajar tidak lagi

bergantung sepenuhnya kepada kaedah tradisional seperti kuliah sehala, sebaliknya mampu menjana pemikiran kritis dan reflektif melalui soal jawab bersama ChatGPT.

Kelebihan AI juga dapat dilihat melalui kemampuan menyesuaikan kandungan pembelajaran mengikut keperluan pelajar. AI boleh mencadangkan ayat al-Quran, hadis, definisi istilah serta penjelasan topik tertentu seperti Tauhid, Fiqh atau Akhlak Islami secara segera dan mudah difahami (Alim et al., 2022). Pendekatan ini memudahkan pelajar mengakses pengetahuan Islam secara berstruktur dan relevan, sejajar dengan keperluan semasa.

Transformasi ini turut membuka ruang kepada pendidik Islam meneroka pendekatan baharu seperti “flipped classroom”, gamifikasi berasaskan AI serta pembelajaran hibrid yang menggabungkan elemen teknologi dan nilai-nilai Islam (Yusoff et al., 2023). Strategi ini berupaya meningkatkan motivasi, pemahaman dan penglibatan pelajar dalam pengajaran Pendidikan Islam, tanpa menjejaskan keaslian dan ketulenan ilmu wahyu.

Penerapan AI dalam pendidikan memerlukan pertimbangan menyeluruh agar tidak berlaku ketidakseimbangan antara penggunaan teknologi dan prinsip pendidikan Islam. Justeru, integrasi ini perlu dilaksanakan secara bijaksana, berpandukan nilai-nilai syariah serta berteraskan maqasid pendidikan Islam iaitu pengembangan akal, pemantapan akhlak dan pengukuhan hubungan spiritual kepada Allah SWT (Wan Daud, 2010; Hasan Langgulung, 1981).

3.3. Peluang penggunaan ChatGPT dalam pembelajaran pendidikan Islam

Kemunculan model bahasa seperti ChatGPT membuka pelbagai ruang inovatif bagi memperkasa proses pengajaran dan pembelajaran, khususnya dalam konteks Pendidikan Islam. Kecerdasan buatan ini mempunyai keupayaan menstrukturkan maklumat, menjana kandungan secara masa nyata dan memberikan interaksi bahasa yang menyerupai manusia sekaligus mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih dinamik dan bersifat sendiri (Khalil & Er, 2023).

Akses kepada maklumat dapat diperluas melalui keupayaan ChatGPT menjawab soalan berbentuk fakta, konsep dan huraian bersumberkan pelbagai domain ilmu. Pelajar tidak lagi terhad kepada bahan rujukan bercetak atau masa pembelajaran formal di kelas. Kemampuan ini amat signifikan dalam membantu penguasaan topik seperti akidah, ibadah, sirah dan ilmu tafsir yang memerlukan pemahaman mendalam dan contoh aplikasi kontekstual (Sani et al., 2023).

Kefasihan berbahasa Arab dan Melayu turut dapat ditingkatkan melalui penggunaan ChatGPT sebagai alat latihan kosa kata dan penterjemahan interaktif. Pelajar boleh menggunakannya sebagai tutor maya bagi memperkukuh pemahaman teks Arab seperti ayat al-Quran, hadis atau teks klasik Islam. Latihan seperti soalan pemahaman, rumusan, atau pembinaan ayat baharu berdasarkan kosa kata tertentu dapat dijana serta-merta sekaligus menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan dan fleksibel (Al-Fadhli & Yahaya, 2022).

Penghasilan tugas, penulisan ilmiah dan projek akhir turut menjadi lebih sistematik melalui bantuan ChatGPT. Penjana kerangka penulisan, semakan tatabahasa, penulisan ringkasan dan penjana idea awal dapat meringankan beban pelajar terutama ketika melakukan penyelidikan. Walaupun ia tidak menggantikan keperluan untuk berfikir secara kritis dan melakukan penyelidikan autentik, ia berperanan sebagai alat bantu awal yang menjimatkan masa dan membimbing arah penulisan (Rahman et al., 2024).

Interaktiviti antara pelajar dan AI seperti ChatGPT juga dapat mendorong pembelajaran bersifat “personalized”, iaitu disesuaikan dengan tahap kefahaman serta keperluan individu. Pelajar yang lebih perlahan dapat mengulang sesi soal jawab tanpa rasa malu atau tekanan rakan sebaya. Ciri ini amat sesuai dalam pembelajaran pendidikan Islam yang menuntut pemahaman secara mendalam terhadap prinsip dan dalil, bukan sekadar hafalan (Yusoff & Hashim, 2021).

Pendekatan “blended learning” dan “flipped classroom” yang semakin diterima pakai dalam institusi pengajian tinggi juga mendapat manfaat apabila pelajar dibekalkan akses kepada perbincangan awal bersama ChatGPT sebelum kelas

berlangsung. Ini dapat merangsang perbincangan yang lebih bermakna dalam kelas serta memupuk sikap proaktif terhadap pembelajaran (Norazah et al., 2023).

Secara keseluruhannya, penggunaan ChatGPT membuka pelbagai peluang strategik dalam memodenkan sistem pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam tanpa menjejaskan nilai-nilai Islam itu sendiri. Keupayaan mengakses, mengaplikasi dan menganalisis ilmu Islam melalui teknologi seperti AI mampu melahirkan pelajar yang bukan sahaja celik teknologi, malah memiliki asas agama yang mantap.

3.4. Cabaran penggunaan ChatGPT dalam konteks pendidikan Islam

Kewujudan ChatGPT sebagai alat kecerdasan buatan yang berupaya menjana teks secara automatik telah membuka lembaran baharu dalam landskap pendidikan Islam. Namun begitu, pelaksanaannya tidak terlepas daripada pelbagai cabaran yang wajar diberi perhatian secara serius oleh penggiat pendidikan, khususnya dalam bidang Pengajian Islam di institusi pengajian tinggi.

Antara cabaran utama ialah isu ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat yang dijana oleh ChatGPT. Sebagai model bahasa besar (large language model), ChatGPT beroperasi berdasarkan data latihan yang luas dan tidak semestinya disemak kesahihannya menurut piawaian keilmuan Islam. Hal ini menimbulkan risiko penyebaran maklumat yang tidak sahih atau bercanggah dengan disiplin ilmu yang telah ditetapkan oleh para ulama. Al-Kindi (2023) menjelaskan bahawa walaupun AI mampu meniru komunikasi manusia, ia tidak mempunyai kesedaran terhadap kebenaran epistemologi, apatah lagi sensitiviti terhadap hukum syarak.

Kebergantungan melampau terhadap ChatGPT turut mengundang kerisauan dalam konteks pembentukan keupayaan intelektual pelajar. Apabila pelajar terlalu bergantung kepada AI bagi menjawab soalan, menghasilkan esei atau menyusun fakta, proses pemikiran kritikal, keupayaan menganalisis serta kreativiti akademik berpotensi untuk merosot. Kajian oleh Khan et al. (2023) menegaskan bahawa penggunaan AI secara tidak terkawal boleh menyebabkan kemalasan kognitif dalam kalangan pelajar sekali gus melemahkan semangat tadabbur dan ijtihad yang sepatutnya menjadi teras dalam pendidikan Islam.

Kekangan literasi digital juga menjadi antara faktor utama yang membataskan keberkesanan penggunaan ChatGPT. Sebilangan pelajar mungkin tidak memiliki kemahiran asas teknologi maklumat yang mencukupi bagi memanfaatkan AI secara optimum dan beretika. Kajian oleh Al-Azawei et al. (2022) menunjukkan bahawa tahap literasi digital yang rendah menyumbang kepada penggunaan teknologi secara "superficial" dan tidak produktif, lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan kandungan Islam yang memerlukan ketelitian tinggi.

Ketidakselarasan kandungan yang dijana oleh AI dengan nilai dan prinsip Islam turut mencetuskan perbincangan serius. Teks yang dihasilkan berpotensi membawa unsur-unsur yang bertentangan dengan aqidah, syariah atau akhlak Islamiah sekiranya tidak diteliti dan ditapis. Ini sejajar dengan amaran oleh Muslim Scholars Council (2023) yang menyatakan bahawa AI perlu ditundukkan kepada kerangka maqasid syariah dan bukan sebaliknya. Oleh itu, keterbukaan teknologi ini harus diimbangi dengan penapisan kandungan serta bimbingan oleh guru atau pensyarah yang kompeten.

Kesimpulannya, cabaran-cabaran ini menunjukkan bahawa penggunaan ChatGPT dalam pendidikan Islam bukan sahaja melibatkan isu teknikal semata-mata tetapi turut menuntut kepekaan terhadap dimensi epistemologi, pedagogi dan syariah. Kegagalan mengurus cabaran ini berpotensi menjejaskan keaslian ilmu Islam dan melemahkan jati diri pelajar sebagai pewaris ilmu yang sahih.

3.5. Etika penggunaan Ai dalam pendidikan Islam

Perkembangan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) seperti ChatGPT menimbulkan keperluan mendesak bagi menilai aspek etika yang berkait rapat dengan penggunaannya dalam konteks pendidikan Islam. Dalam tradisi keilmuan Islam, setiap inovasi atau alat baharu perlu ditimbang berdasarkan prinsip syariah, sama ada membawa manfaat (masalah) atau mudarat (mafsadah). Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 195:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ . وَأَحْسِنُوا . إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya : “Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu mencampakkan dirimu ke dalam kebinasaan, serta berbuat baiklah. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berbuat kebaikan.”
(Surah al-Baqarah 2 : 195)

Ayat tersebut memberi panduan agar penggunaan apa jua alat, termasuk AI, tidak membawa kerosakan kepada pengguna atau sistem pendidikan secara keseluruhan.

Etika pengguna AI dalam pendidikan Islam tidak boleh hanya berpaksikan kepada kecanggihan teknologi semata-mata tetapi mesti dilandaskan pada akhlak, tanggungjawab dan kejujuran intelektual. Al-Ghazali (2005) menekankan pentingnya adab al-muta'allim dan adab al-mu'allim dalam proses pencarian ilmu, termasuk aspek seperti kejujuran dalam menuntut ilmu, penghormatan terhadap ilmu serta larangan daripada meniru atau menipu dalam usaha mendapatkan ilmu. Oleh itu, pelajar yang menggunakan ChatGPT harus memastikan bahawa kandungan yang diperoleh bukanlah untuk disalin secara bulat-bulat tanpa pemahaman yang boleh membawa kepada isu plagiarisme dan hilangnya amanah ilmiah.

Tambahan pula, penggunaan ChatGPT berpotensi menimbulkan masalah kebergantungan terhadap teknologi secara berlebihan hingga melumpuhkan daya fikir kritikal pelajar. Al-Qaradawi (1994) menegaskan bahawa setiap umat Islam hendaklah menguasai alat moden secara bijaksana tetapi tidak menjadi hamba kepada alat tersebut. Ini menuntut pengguna AI agar tidak menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab berfikir dan menganalisis kepada sistem, sebaliknya menggunakannya sebagai pelengkap proses pembelajaran.

Aspek privasi dan keselamatan data juga perlu diberi perhatian. AI seperti ChatGPT menggunakan model pembelajaran berdasarkan data pengguna terdahulu yang berpotensi membuka ruang kepada pelanggaran privasi jika tidak dikawal. Menurut Majma' al-Fiqh al-Islami (2019), sebarang bentuk pencerobohan terhadap hak peribadi termasuk data individu, dianggap satu dosa dan bertentangan dengan prinsip keadilan dan penjagaan maruah (hurmah).

Prinsip Maqasid Syariah harus dijadikan asas penilaian terhadap etika penggunaan AI. Lima objektif utama syariah iaitu penjagaan agama (din), nyawa (nafs), akal ('aql), keturunan (nasl) dan harta (mal) yang menjadi neraca dalam menentukan kebolegunaan AI. Sebagai contoh, penggunaan AI yang menjejaskan keupayaan intelektual ('aql) atau menyebabkan kerugian harta (mal) melalui penyalahgunaan akses atau langganan tanpa keperluan adalah tidak selari dengan prinsip-prinsip tersebut (Kamali, 2008).

Secara keseluruhannya, penggunaan AI seperti ChatGPT dalam pendidikan Islam menuntut kesedaran etika yang tinggi. Ia bukan hanya alat tetapi satu cabaran moral yang perlu ditangani secara menyeluruh oleh pelajar, pensyarah dan institusi pendidikan Islam. Pemupukan kefahaman yang benar terhadap tanggungjawab sebagai pengguna teknologi serta panduan berasaskan syariah, dapat menjamin teknologi ini dimanfaatkan secara adil, bijaksana dan beretika.

3.6. Implikasi terhadap polisi dan amalan pendidikan Islam

Penggunaan kecerdasan buatan seperti ChatGPT secara meluas dalam pembelajaran Pendidikan Islam menuntut perhatian serius terhadap dasar dan amalan pendidikan semasa. Arus digitalisasi yang pesat memberi isyarat bahawa transformasi pedagogi berteraskan teknologi tidak dapat dielakkan. Justeru, pihak pentadbiran institusi pendidikan, pensyarah, serta penggabul dasar perlu menyusun semula pendekatan agar lebih sejajar dengan cabaran dan realiti semasa.

Penyesuaian kurikulum pendidikan Islam perlu dilakukan secara berstruktur supaya elemen kecerdasan buatan dapat diintegrasikan tanpa mencemari nilai teras keilmuan Islam. Panduan penggunaan teknologi mestilah bersandarkan

kepada prinsip Maqasid Syariah, iaitu memastikan pemeliharaan agama (hifz al-din), akal (hifz al-'aql), dan maruah (hifz al-'ird). Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Baqarah ayat 2:

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

Maksudnya : "Kitab (Al-Quran) ini tidak ada keraguan padanya, petunjuk bagi mereka yang bertakwa"
(Surah Al-Baqarah 2 : 2)

Ayat tersebut menekankan bahawa panduan dan sistem pendidikan umat Islam mesti berasaskan sumber sahih dan membawa kepada ketakwaan, bukan sekadar berteknologi tinggi.

Pembangunan garis panduan institusi berasaskan etika Islam menjadi keperluan yang mendesak. Sebagai contoh, garis panduan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) tentang penggunaan teknologi AI dalam penulisan akademik boleh dijadikan model rujukan awal (IIUM AI Guidelines, 2023). Langkah ini penting bagi mengelakkan salah guna teknologi seperti penciplakan kandungan, kebergantungan sepenuhnya terhadap AI serta penghasilan ilmu yang tidak tulen dan tidak bersumberkan autoriti Islam.

Pelaksanaan latihan profesional dalam kalangan pendidik dan pentadbir turut perlu dipertimbangkan secara tegas. Para pensyarah bukan sahaja dituntut untuk mahir teknologi tetapi juga memiliki kefahaman terhadap dimensi etika, adab dan nilai Islam dalam konteks digital. Keperluan ini bertepatan dengan sabda Nabi Muhammad SAW:

عن أبي مسعود الأنصاري رضي الله عنه قال: جاء رجل إلى النبي ﷺ فقال: "إني أُبِيعُ بِـي فَأَحْمِلُنِي"، فقال: ما عندي. فقال رجل: يا رسول الله، أنا أدلّه على من يحمّله. فقال ﷺ: «من دلّ على خيرٍ فله مثل أجر فاعله»

Maksudnya : "Barangsiapa yang menunjukkan kepada kebaikan, maka dia akan mendapat pahala seperti orang yang melakukannya"

(HR Muslim, no. 1893)

Justeru, pensyarah yang mengendalikan teknologi berasaskan AI secara bijaksana dan beretika juga berperanan sebagai pembimbing moral dalam era moden.

Langkah penyesuaian polisi juga perlu melibatkan kerjasama antara institusi pendidikan tinggi, agensi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan pihak berautoriti syariah seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Polisi yang digubal harus bersifat holistik, merangkumi aspek akademik, etika dan syariah, sejajar dengan Pelan Tindakan Pendidikan Islam (PTEPI) 2020–2030 yang menekankan integrasi ilmu, akhlak dan kemahiran abad ke-21 (KPM, 2020).

Keseluruhannya, penggunaan ChatGPT dalam pendidikan Islam tidak sekadar isu teknologi tetapi turut menyentuh aspek nilai, kebertanggungjawaban dan keabsahan ilmu. Tindakan bersifat reaktif tanpa garis panduan yang jelas berpotensi menjejaskan integriti akademik serta mencemarkan matlamat asal pendidikan Islam yang bersifat rabbani dan berorientasikan adab. Oleh itu, penggubalan dasar yang progresif, berpaksikan syariat dan disokong oleh latihan sistematik merupakan keperluan mendesak demi memastikan AI berfungsi sebagai alat bantu, bukan pengganti dalam membentuk generasi Muslim yang seimbang dan berilmu.

4. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan dokumen kerana kaedah ini sesuai untuk meneliti isu-isu konseptual, etika dan falsafah yang memerlukan analisis mendalam secara non-numerikal. Pendekatan ini membolehkan penyelidik mengenal pasti tema, pola dan makna yang tersirat dalam teks akademik, sekali gus memberikan kefahaman holistik terhadap implikasi penggunaan ChatGPT dalam konteks Pendidikan Islam.

Justifikasi ini selari dengan pandangan Creswell dan Poth (2018) yang menegaskan bahawa pendekatan kualitatif amat ideal apabila kajian bertujuan memahami makna, nilai dan prinsip dalam sesuatu isu.

Sumber data kajian diperoleh daripada literatur sekunder yang meliputi jurnal akademik, laporan penyelidikan, buku, artikel ilmiah serta dokumen polisi pendidikan. Skop literatur yang dirujuk adalah dari tahun 2018 hingga 2024 bagi memastikan rujukan adalah relevan dan terkini dengan perkembangan teknologi kecerdasan buatan (AI) serta aplikasinya dalam pendidikan Islam. Pangkalan data utama yang digunakan termasuk Scopus, Google Scholar, Web of Science, ProQuest dan JSTOR, di samping laman sesawang institusi pendidikan dan agensi Islam yang berautoriti.

Strategi carian dilakukan menggunakan gabungan kata kunci dalam bahasa Melayu dan Inggeris seperti “ChatGPT”, “Artificial Intelligence”, “Kecerdasan Buatan”, “Pendidikan Islam”, “AI ethics”, “Maqasid Shariah” dan “Islamic education”. Proses carian ini membolehkan pengumpulan bahan rujukan yang pelbagai, meliputi aspek teknikal, pedagogi, etika serta falsafah Islam. Analisis kandungan dilakukan secara tematik dengan mengklasifikasikan literatur kepada beberapa tema utama yakni peluang, cabaran dan pertimbangan etika. Hasil analisis ini kemudiannya dijadikan asas dalam membina perbincangan konseptual yang bersepadu dengan prinsip Maqasid Syariah.

5. Perbincangan

5.1 Potensi Ai memperkukuh literasi digital Islam

Penggunaan ChatGPT dalam Pendidikan Islam memperlihatkan potensi signifikan terhadap pengukuhan literasi digital pelajar Muslim. Literasi digital di sini bukan sekadar merujuk kepada kebolehan mengakses maklumat teknologi, sebaliknya melibatkan kemahiran menilai kesahihan dalil, memahami konteks fiqh serta menghubungkan pengetahuan dengan maqasid syariah. Zawawi et al. (2023) menegaskan bahawa ChatGPT meningkatkan interaktiviti dan motivasi melalui pengalaman pembelajaran bersifat dialogik. Walau bagaimanapun, Fariyah et al. (2024) mengingatkan bahawa literasi digital Islam perlu dibangunkan di atas epistemologi yang berteraskan tradisi keilmuan Islam agar pelajar tidak hanya menjadi pengguna pasif.

Pandangan ini selari dengan gagasan Al-Attas (1995) yang menekankan konsep adab sebagai teras keilmuan. Adab dalam konteks literasi digital merangkumi sikap berhati-hati terhadap sumber, penilaian kritikal terhadap maklumat dan penghayatan nilai integriti ketika berinteraksi dengan teknologi. Oleh itu, integrasi ChatGPT dalam pendidikan Islam hanya dapat dianggap berjaya apabila ia melahirkan pelajar yang mampu menggabungkan celik teknologi dengan akhlak penuntut ilmu sekali gus mengelakkan keruntuhan nilai dalam proses pencarian ilmu.

5.2 Risiko “dehumanization” dalam pendidikan Islam

Kemunculan AI mengundang persoalan tentang kemungkinan “dehumanization” dalam pendidikan agama. Walaupun ChatGPT berperanan sebagai tutor maya, teknologi ini tidak mampu mengambil alih kedudukan guru mursyid yang berfungsi membentuk akhlak, spiritualiti dan hikmah. Khan et al. (2023) menegaskan bahawa kebergantungan melampau terhadap AI berisiko menghakis keupayaan berfikir kritis, manakala Al-Qaradawi (1994) menegaskan perlunya penguasaan alat moden secara seimbang tanpa terjerumus menjadi hamba kepada teknologi.

Pendidikan Islam secara tradisinya menekankan peranan guru sebagai uswah hasanah, iaitu model teladan yang mentransmisikan bukan sahaja ilmu tetapi juga nilai tazkiyah al-nafs (penyucian jiwa). ChatGPT mungkin berupaya menjawab soalan hukum atau memberi huraian konsep, namun tidak mempunyai kapasiti membentuk peribadi pelajar melalui interaksi insani. Oleh itu, AI seharusnya difahami sebagai instrumen sokongan, manakala pendidik tetap menjadi teras kepada proses pendidikan holistik.

5.3 Isu etika dan tanggungjawab akademik

Etika penggunaan ChatGPT dalam konteks pendidikan Islam memerlukan perhatian yang serius. Nur Komalasari (2024) mendapati pelajar cenderung menyalin kandungan secara langsung sekali gus menimbulkan risiko plagiarisme

dan pelanggaran integriti akademik. Muslim Scholars Council (2023) pula menekankan bahawa segala bentuk inovasi teknologi hendaklah tunduk kepada prinsip maqasid syariah, termasuk pemeliharaan agama, akal serta maruah manusia. Tanpa panduan yang jelas, penggunaan AI berpotensi menghakis ketulenan ilmu dan melemahkan nilai kejujuran akademik.

Tradisi keilmuan Islam telah lama menekankan etika penuntut ilmu. Al-Ghazali (2005) menegaskan bahawa niat yang ikhlas dan penghormatan terhadap ilmu merupakan asas adab menuntut ilmu. Aplikasi AI perlu digunakan secara bertanggungjawab, bukan sekadar jalan pintas memperoleh jawapan. Universiti seperti IIUM (2023) telah mula memperkenalkan garis panduan penggunaan AI dalam penulisan akademik yang boleh dijadikan rujukan untuk memastikan teknologi dimanfaatkan tanpa menjejaskan amanah ilmiah.

5.4 Cabaran epistemologi dan kualiti ilmu

Cabaran seterusnya melibatkan aspek epistemologi. ChatGPT, sebagai model bahasa besar yang beroperasi berdasarkan data latihan tanpa mekanisme menilai kesahihan sanad, autoriti ulama atau konteks fiqh semasa (Ridzuan et al., 2024). Situasi ini membawa risiko pencampuran antara pandangan muktabar dengan pandangan yang tertolak, lalu menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelajar. Nasr (2006) menegaskan bahawa ilmu Islam berasaskan wahyu serta tradisi turath dan oleh itu tidak boleh diletakkan setaraf dengan pengetahuan yang bersifat mekanikal semata-mata. Tanpa panduan guru berautoriti, maklumat daripada ChatGPT berpotensi besar menjejaskan kefahaman epistemologi Islam.

5.5 Limitasi kajian

Kajian ini dibina secara konseptual dengan menggunakan analisis kandungan dokumen. Pendekatan ini memberikan gambaran menyeluruh terhadap isu, namun tidak memungkinkan penilaian empirikal terhadap kesan sebenar penggunaan ChatGPT di bilik darjah. Di samping itu, rujukan literatur dihadkan kepada tempoh 2018 hingga 2024, justeru mungkin terlepas pandang perkembangan awal teknologi AI atau perubahan terkini selepas tahun tersebut.

5.6 Cadangan kajian lanjutan

Penyelidikan lanjutan wajar dijalankan dengan melibatkan data lapangan. Kaedah temu bual, kajian kes atau soal selidik boleh digunakan bagi menilai pengalaman sebenar pelajar dan pensyarah dalam memanfaatkan ChatGPT. Kajian perbandingan antara institusi pendidikan Islam tempatan dan antarabangsa juga berpotensi memberikan pemahaman lebih luas mengenai variasi budaya, dasar dan penerimaan teknologi. Di samping itu, keperluan mendesak wujud untuk membangunkan kerangka literasi digital Islami yang berlandaskan maqasid syariah. Kerangka ini boleh dijadikan rujukan praktikal dalam mengimbangi kecanggihan teknologi dengan prinsip pendidikan Islam, seterusnya memastikan AI benar-benar berfungsi sebagai instrumen dakwah dan tarbiah.

6. Kesimpulan

Kemunculan teknologi AI seperti ChatGPT membawa dimensi baru dalam bidang pendidikan Islam. Sebagai alat bantu pembelajaran, ChatGPT berpotensi memperkasakan kemampuan berfikir pelajar, menyokong pembelajaran sendiri serta memperluas akses kepada maklumat secara lebih berkesan. Namun begitu, penggunaan teknologi ini tanpa panduan etika yang berteraskan nilai Islam boleh mendatangkan kesan negatif terhadap integriti ilmu, ketergantungan yang berlebihan kepada teknologi dan ketulenan penyampaian nilai-nilai Islam. Oleh itu, pemanfaatan AI dalam pendidikan harus berasaskan prinsip Maqasid Syariah, disokong oleh dasar institusi yang jelas serta penglibatan aktif para pendidik sebagai pembimbing moral dan intelektual. Penyesuaian kurikulum, latihan profesional, dan pembangunan garis panduan etika AI berasaskan Islam merupakan langkah penting yang perlu dilaksanakan segera untuk memastikan teknologi ini menyumbang kepada pembangunan pelajar Muslim yang seimbang dari segi ilmu, adab dan akhlak. Pada akhirnya, kehadiran AI hendaklah dilihat sebagai pelengkap dalam usaha dakwah dan tarbiah, bukannya pengganti peranan manusia dalam pendidikan Islam masa kini.

Penghargaan

Tiada.

Konflik Kepentingan

Tiada.

Penyataan Etika

Tiada.

Sumbangan Penulis

Jazli Zakwan Ahmad Taha^{1*}: Konsep, Metodologi, Pengurusan Data, Penulisan – Draf Asal.

Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain²: Penyeliaan, Pengesahan, Penulisan – Semakan & Penyuntingan.

Siti Zhuharrina Binti Sulaiman³: Sumber, Pengurusan Data, Semakan & Penyuntingan.

Ketersediaan Data

Tiada.

Rujukan

Abū Mas'ūd al-Anṣārī. (n.d.). *Man dallā 'alā khayrin fa-lahu mithlu ajri fā'ilihi* (HR Muslim, no. 1893a). Dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*. Sunnah.com. Dipetik daripada <https://sunnah.com/muslim/1893a>

Al-Attas, S. M. N. (1995). *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*. ISTAC.

Al-Azawei, A., Parslow, P., & Lundqvist, K. (2022). Barriers to Adopting Educational Technologies in Islamic Learning Contexts. *Computers & Education*, 185, 104529.

Al-Fadhli, M. A., & Yahaya, M. F. (2022). Arabic Language Learning Using AI-based Tools: A Preliminary Review. *Journal of Linguistic Studies*, 14(2), 85–98.

Al-Ghazali. (2005). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Alim, S., Yusuf, N., & Kamaruzzaman, A. (2022). AI and the Future of Islamic Learning: Potentials and Concerns. *Journal of Islamic Educational Research*, 6(1), 34–48.

Al-Kindi, M. (2023). Artificial Intelligence and Epistemology in Islamic Education. *Journal of Islamic Pedagogy*, 15(2), 87–102.

Al-Qaradawi, Y. (1994). *Thaqafah al-Da'iyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Al-Qaradawi, Y. (2018). *Adabul 'alim wal-muta'allim* (terj.). Diva Press.

Bahrini, L., Qaffas, A. A., & Alashwal, H. (2023). ChatGPT in education: Opportunities and challenges. *Education and Information Technologies*, 28, 11789–11812. <https://doi.org/10.1007/s10639-023-11635-3>

Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative Inquiry and Research Design*. Sage Publications.

Farihah, M. Z., Hassan, R., & Azman, A. (2024). Tanggungjawab ilmiah dalam penggunaan AI untuk tujuan dakwah Islamiah. *Jurnal Dakwah dan Teknologi*, 8(1), 45–58.

Hasan Langgulung. (1981). *Pendidikan Islam dan Peranannya dalam Pendidikan Nasional di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Hosni, A., Ariffin, M. F. M., & Ishak, H. (2023). Editorial Notes: Isu Dan Cabaran ChatGPT Terhadap Pengajian Islam. *Al-Turath Journal of Al-Quran and AlSunnah*, 8(1)

International Islamic University Malaysia (IIUM). (2023). *Guidelines on the Use of Generative Artificial Intelligence (AI) in Academic Work*

Isdayani, D., Mahfudz, A., & Fitriani, N. (2024). Artificial Intelligence in teacher professional development: Opportunities and challenges. *Journal of Educational Technology Research*, 8(1), 22–36.

Isdayani, D., Mahfudz, A., & Fitriani, N. (2024). Artificial Intelligence in Teacher Professional Development: Opportunities and Challenges. *Journal of Educational Technology Research*, 8(1), 22–36.

Kamali, M. H. (2008). *Shari'ah Law: An Introduction*. Oxford: Oneworld Publications.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Pelan Tindakan Pendidikan Islam (PTEPI) 2020–2030*. Bahagian Pendidikan Islam.
- Khairuleffendi, M. N. (2024). Natural language processing and its implications in Malaysian education. *Malaysian Journal of Educational Technology*, 19(2), 54–70.
- Khalil, M., & Er, E. (2023). Artificial intelligence and ChatGPT in education: A review of peer-reviewed publications and research trends. *Smart Learning Environments*, 10(14). <https://doi.org/10.1186/s40561-023-00236-6>
- Khan, S., Nazir, A., & Tariq, H. (2023). Overreliance on AI Tools and the Decline of Student Cognitive Skills. *Educational Technology & Society*, 26(1), 12–25.
- Khurana, P., Singhal, S., & Bansal, S. (2023). Applications of natural language processing in real-world scenarios: A review. *International Journal of Artificial Intelligence Research*, 17(1), 35–52.
- Komalasari, N. (2024). *Penggunaan ChatGPT Pada Mahasiswa Program Studi Pendidikan Agama Islam UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta Angkatan 2020/2021* (Doctoral dissertation, UIN SUNAN KALIJAGA YOGYAKARTA).
- Komarudin, A., Santosa, H., & Wulandari, T. (2024). Learning Analytics in AI-Based Education: A Case Study in Indonesian Secondary Schools. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*, 19(2), 55–68.
- Majma' al-Fiqh al-Islami. (2019). *Qararat wa Tawsiyat, sidang ke-23, Al-Madinah al-Munawwarah*.
- Muslim Scholars Council. (2023). *Fatwa Guidelines on Ethical Use of AI in Islamic Contexts*. MSC Press.
- Nasr, S. H. (2006). *Islamic Science: An Illustrated Study*. World Wisdom.
- Nasruddin, M. N., & Basri, N. A. (2021). Pembelajaran Abad Ke-21 dan Teknologi Pendidikan: Suatu Sorotan Teori Konstruktivisme. *Jurnal Ilmu Pendidikan Islam*, 3(2), 12–24.
- Norazah, M. N., Halimah, B. Z., & Saedah, S. (2023). Flipped Learning in Islamic Education: An AI-Supported Approach. *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 11(1), 11–21.
- Oktavian, R., Lestari, S., & Nugraha, A. (2024). Personalized Learning through AI: Enhancing Student Engagement in Digital Classrooms. *Educational Innovation and Practice Journal*, 7(1), 13–28.
- Rahman, M. R. A., Jamaludin, N. S., & Hamat, A. (2024). Penulisan Akademik Mahasiswa dan Kecerdasan Buatan: Analisis Peranan ChatGPT. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Islam*, 9(1), 51–66.
- Rich, E., & Knight, K. (1991). *Artificial Intelligence* (2nd ed.). McGraw-Hill.
- Ridzuan, A. R., Jamri, M. H., Mohd Zain, Z., Khairuddin, K., Ibrahim, N. A. N., Abdul Rani, N. S., & Ab Hadi, S. N. I. (2024). The usage of ChatGPT as an alternative way of learning. *e-Journal of Media and Society (e-JOMS)*, 7(2), 95–10. Retrieved from <https://ejoms.usim.edu.my/index.php/ejoms/article/view/xxx>
- Sani, R. A., Zulkifli, A., & Ibrahim, M. (2023). Integrasi AI dalam Pendidikan Islam: Analisis Peluang dan Cabaran. *Jurnal Pendidikan dan Teknologi Islam*, 5(2), 37–49.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2010). *Falsafah dan Praktik Pendidikan Islam Syed Muhammad Naquib al-Attas*. ISTAC.
- Widodo, A., Rahmawati, N., & Syahputra, A. (2024). Bridging the Digital Divide in AI-Enhanced Education: Equity, Access and Infrastructure. *Journal of Education and Learning Studies*, 9(2), 71–88.
- Yusoff, M. A., Harun, H., & Baharudin, N. (2023). Gamifikasi dan AI dalam Pendidikan Islam: Satu Sorotan Konseptual. *Malaysian Journal of Islamic Education*, 11(2), 56–69
- Yusoff, N. M., & Hashim, R. (2021). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pendidikan Islam: Peranan Teknologi Digital. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 9(3), 72–83.
- Zawawi, M. Z., Zulkifli, A. H., & Ramli, M. (2023). Penggunaan ChatGPT sebagai Alat Bantuan Pembelajaran dalam Pendidikan Islam: Kajian Awal. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 7(1), 77–89.
- Zulkifli, M. A. (2024). *AI Dr Munir & AI Dr Munirah: Gabungan ilmu dan teknologi untuk umat*. Dikeluarkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my>

Penafian/Nota Penerbit: Pernyataan, pendapat dan data yang terkandung di dalam semua penerbitan hanya sanya dihasilkan oleh para penulis dan penyumbang dan bukannya daripada RISE dan/atau para editornya. RISE dan/atau para editornya tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan yang berlaku pada orang atau harta benda yang berpunca daripada mana idea, metode, arahan atau produk yang dirujuk daripada kandungan yang dinyatakan di dalam manuskrip.